

# Siasatan kes rasuah mesti terperinci: PM

BH - 25/3/2007

## Abdullah risau maruah, kehidupan individu disyaki terbabit terjejas

Oleh Norfatimah Ahmad dan Jalal Ali Abdur Rahim

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bimbang maruah dan kehidupan individu yang disiasat berhubung dakwaan rasuah terjejas, mahu setiap kes disiasat dengan terperinci.

Perdana Menteri berkata, setiap kes rasuah mesti disiasat dengan teliti dan yakin bahawa fakta dan bukti yang dikumpul kukuh sebelum membawa kes ke mahkamah.

Malah, beliau berkata, menjadi lumrah rakyat mahu kerajaan mengambil tindakan, sedangkan hakikatnya tidak mudah untuk menghebet seseorang ke mahkamah.

"Apa yang akan berlaku, masyarakat akan mula bercakap apabila mengetahui ada orang itu dan ini disiasat, dan pejabatnya dikunjungi pihak berkuasa (Badan Pencegah Rasuah).

"Saya risau individu berkenaan mungkin menjadi mangsa 'penganiayaan' media dan sukar untuk mereka meneruskan kehidupan apabila dia (nama) menjadi 'busuk'," katanya pada wawancara eksklusif wartawan CNEC, Martin Soong yang disiarkan ASTRO di sini, semalam.

Abdullah berkata, pelbagai langkah sudah dan akan diambil untuk memastikan matlamat memerangi rasuah tercapai sejak mengumumkan perkara itu tiga tahun lalu.

"Rasuah umpama barah, ia tidak baik untuk kerajaan atau sesiapa saja dan mahal harganya. Oleh itu, tekanan untuk menolak rasuah dalam kehidupan harian anggota perkhidmatan awam sentiasa diberi perhatian, termasuk penubuhan institusi integriti," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah melantik 300 pegawai penyiasat tambahan bagi melaksanakan tugas penyiasatan bebas supaya tidak terlalu bergantung kepada polis yang

ada kalanya turut terbabit dalam dakwaan melakukan perbuatan itu.

Selain itu, mengenai kemungkinan mengadakan pilihan raya dalam masa terdekat, Abdullah berkata, beliau terpaksa memenuhi janjinya untuk rakyat Malaysia terlebih dulu.

"Masih ada kerja yang hendak dilakukan," katanya.

Beliau berkata, ekonomi kukuh ha-

ri ini bukan satu-satunya sebab yang baik untuk mengadakan pilihan raya sekarang.

"Kita mesti pastikan parti bersedia dan setiap orang bergerak sepenuhnya untuk menghadapi program berkempen...," katanya.

Mengenai kritikan terhadap ekonomi negara, Abdullah menjelaskan banyak penambahbaikan berlaku sejak beliau mengambil alih.

"Ketika saya mengambil alih kita menghadapi keadaan tertentu yang menyebabkan ketidakpastian di kalangan rakyat dan sekarang keadaan berubah kerana kita melakukan sesuatu," katanya.

Beliau merujuk kepada pengurusan kewangan dan perbelanjaan kerajaan yang berhemat apabila sektor pembinaan bersedia untuk pertumbuhan, defisit bajet berkurangan dan inflasi menurun dan mungkin turun lebih banyak daripada tiga peratus sekarang kepada serendah 2.5 peratus.

**“ Individu itu mungkin jadi mangsa 'penganiayaan' media dan sukar meneruskan kehidupan apabila nama 'busuk' ”**

Abdullah Ahmad Badawi  
Perdana Menteri